



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmo.com



**PENGARUH MINAT DAN SIKAP TERHADAP MOTIVASI
PELAJAR DI KOLEJ VOKASIONAL ZON SELATAN**

*THE INFLUENCE OF INTEREST AND ATTITUDE ON STUDENT MOTIVATION
IN SOUTHERN REGION VOCATIONAL COLLEGES*

Atiqah Yazid^{1*}, Azita Ali²

¹ Teknologi Elektronik, Kolej Vokasional Kluang, Malaysia
Email: g-32019522@moe-dl.edu.my

² Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia
Email: azita@uthm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2024

Revised date: 17.10.2024

Accepted date: 07.11.2024

Published date: 16.12.2024

To cite this document:

Yazid, A., & Ali, A. (2024). Pengaruh Minat Dan Sikap Terhadap Motivasi Pelajar Di Kolej Vokasional Zon Selatan. *International Journal of Modern Education*, 6 (23), 30-39.

DOI: 10.35631/IJMOE.623003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Minat, sikap dan motivasi merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang yang diceburi. Tiga elemen ini sering berkait antara satu sama lain dan menjadi kunci kejayaan kepada pelajar untuk berusaha sepenuhnya demi mencapai matlamat mereka. Bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) tidak asing lagi dalam pembangunan Malaysia. Banyak usaha kerajaan untuk meningkatkan enrolmen pelajar TVET terutamanya pada peringkat sekolah, kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik dan peringkat universiti. Namun jumlah pelajar yang mendaftar dalam bidang di Malaysia ini masih rendah berbanding negara maju yang lain. Kolej vokasional (KV) merupakan institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bagi pelajar lepasan tingkatan tiga dan seterusnya menawarkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) kepada lepasan SVM yang layak. Namun, kadar kemasukan pelajar ke peringkat DVM semakin berkurangan pada setiap tahun bermula tahun 2018 sehingga 2023 walaupun ramai pelajar yang layak untuk meneruskan pengajian ke peringkat DVM. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar dalam bidang yang mereka ceburi di KV Zon Selatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 374 orang pelajar tahun akhir SVM dari program teknologi elektronik. Hasil kajian menunjukkan tahap minat, sikap dan motivasi pelajar adalah tinggi ($M=4.28$, $SP=0.29$) dan dua sub elemen dari minat dan sikap mempengaruhi motivasi pelajar terhadap bidang yang diceburi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan sikap dengan motivasi pelajar. Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa

motivasi yang dominan dalam kalangan pelajar adalah motivasi intrinsik berbanding motivasi ekstrinsik. Justeru itu, guru-guru di kolej vokasional boleh menentukan kaedah yang bersesuaian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam membantu pelajar-pelajar meningkatkan minat, sikap dan motivasi mereka dalam bidang yang diceburi.

Kata Kunci:

Minat, Sikap, Motivasi, Pendidikan Teknikal Dan Vokasional

Abstract:

Interest, attitude, and motivation are crucial elements in enhancing students' achievements in their chosen fields. These three elements are often interrelated and serve as the key to success for students as they strive to achieve their goals. Technical and Vocational Education and Training (TVET) plays a significant role in Malaysia's development. The government has made substantial efforts to increase student enrolment in TVET, particularly at the school, vocational college, community college, polytechnic, and university levels. However, the number of students enrolling in this field in Malaysia remains low compared to other developed countries. Vocational colleges (KV) are educational institutions offering the Malaysian Vocational Certificate (SVM) for students who have completed their lower secondary education (Form 3) and subsequently offer the Malaysian Vocational Diploma (DVM) to eligible SVM graduates. Despite a significant number of students qualifying to continue their studies at the DVM level, the enrolment rate in DVM programs has been declining each year from 2018 to 2023. This study was conducted to assess the influence of interest and attitude on student motivation in the fields they pursue at KV in the Southern Zone. The study employed a quantitative approach involving 374 final-year SVM students from the electronic technology program. The results indicated that the levels of interest, attitude, and motivation among students were high ($M=4.28$, $SP=0.29$), with two sub-elements of interest and attitude influencing students' motivation in their chosen fields. The findings also revealed a significant relationship between interest and attitude with student motivation. Additionally, the study showed that intrinsic motivation was more dominant among students compared to extrinsic motivation. Therefore, vocational college teachers can identify appropriate methods during teaching and learning sessions to help students enhance their interest, attitude, and motivation in their chosen fields.

Keywords:

Interest, Attitude, Motivation, Technical And Vocational Education

Pengenalan

Bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) merupakan pendidikan yang dikhususkan untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam bidang-bidang kemahiran tertentu. Ini adalah kerana proses pendidikan dan latihan yang diberikan kepada pelajar adalah menumpukan secara langsung kepada hala tuju pekerjaan mengikut kehendak industri dengan menghasilkan tenaga kerja yang berkesan atau individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dalam bidang tertentu (KPM, 2021). TVET adalah penting untuk menyediakan kemahiran teknikal dan profesional kepada tenaga kerja untuk pembangunan sosioekonomi dan perindustrian negara (Yusoff et al., 2020). Namun begitu, walaupun TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan kemahiran teknikal dan profesional yang diperlukan untuk

pembangunan sosioekonomi dan perindustrian negara, kadar enrolmen pelajar dalam bidang TVET ini masih rendah (Yusof et al., 2020). Pelbagai usaha dilakukan oleh kementerian pendidikan untuk meningkatkan dan meyakinkan orang ramai tentang kebaikan dan kelemahan program TVET di Malaysia, namun majoriti pelajar dan ibu bapa masih memilih aliran akademik berbanding aliran vokasional (Nursiah et al., 2020). Keadaan ini menyebabkan, minat pelajar Malaysia terhadap TVET masih berkurangan (Omar et al., 2020).

Di Malaysia, kolej vokasional (KV) adalah institusi pendidikan yang menekankan latihan kemahiran berbanding pendidikan akademik dari peringkat awal pengajian (Yusof et al., 2020). Tujuan utama KV ditubuhkan adalah untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar sebelum mereka mula bekerja dalam dunia sebenar. Pembelajaran di KV adalah berpandukan kepada Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang digubal berdasarkan kepada permintaan industri terkini mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang telah ditetapkan oleh pakar dalam bidang tersebut agar pelajar mempelajari suatu khusus berkaitan bidang yang diceburi. Menceburi bidang TVET memerlukan minat yang tinggi kerana ia melibatkan pembelajaran praktikal untuk melahirkan tenaga kerja separa mahir yang berkebolehan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, mendapati terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap bidang TVET iaitu pengaruh rakan sebaya, pekerjaan yang bergaji tinggi dan keadaan ekonomi serta politik negara (Ohiwerei & Nwosu, 2016). Hasil kajian yang dilakukan oleh Ozioma (2017) juga yang mendapati bahawa pilihan pelajar untuk menceburi bidang TVET turut dipengaruhi oleh status sosioekonomi ibu bapa, jantina dan kekurangan kaunselor kerjaya di sekolah.

Selain itu juga, dalam aktiviti pembelajaran minat dan motivasi mempunyai peranan yang penting kerana dengan motivasi, perhatian pelajar akan timbul terhadap pembelajarannya. Motivasi adalah penggerak yang mengubah tenaga dalam diri seseorang melalui motivasi ke dalam bentuk aktiviti sebenar untuk mencapai matlamat tertentu. Pelajar yang bermotivasi akan mempunyai minat untuk belajar dan akan memberi perhatian kepada pelajaran yang disampaikan, membaca bahan supaya dapat memahaminya dan menggunakan strategi pembelajaran tertentu untuk menyokongnya (Arif et al., 2019). Minat adalah kunci kejayaan dalam bidang vokasional. Pelajar akan lebih bersungguh-sungguh dan bersemangat untuk belajar kerana minat mereka dalam bidang tersebut. Selain itu juga, sikap pelajar terhadap bidang TVET yang diceburi juga boleh mempengaruhi motivasi pelajar. Banyak kajian yang berjaya membuktikan bahawa minat pelajar, motivasi pelajar, pengaruh ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya mempunyai kesan yang besar terhadap sikap pelajar terhadap TVET (Omar et al., 2020).

Kajian Literatur

Minat adalah faktor utama yang mendorong pelajar untuk melakukan sesuatu. Apabila guru berjaya merangsangkan minat pelajar terhadap pelajaran, pelajar akan bermotivasi dan mempunyai keupayaan untuk belajar tanpa tekanan (Othman & Misman, 2015). Seorang pelajar mesti mempunyai minat yang mendalam dalam apa sahaja yang mereka pelajari kerana ia akan membantu mereka menumpukan sepenuhnya perhatian terhadap bidang yang mereka ceburi. Pengaruh minat dalam pembelajaran memberi kesan kepada penumpuan pelajar di dalam kelas kerana pelajar selalunya akan merasa sukar untuk memahami pengajaran dan pembelajaran yang diterangkan oleh guru (Hasanati & Purwaningsih, 2021). Pendidik seharusnya memberi tumpuan kepada pelajar supaya pelajar aktif dalam pembelajaran agar boleh menimbulkan rasa minat mereka dalam pembelajaran (Cheng & Ding, 2020). Minat

mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembelajaran, pelajar yang tidak berminat dalam pembelajaran akan merasa sukar untuk melaksanakan secara optimum (Oktalia et al., 2017).

Minat pelajar juga turut dipengaruhi oleh faktor luaran seperti keluarga, rakan sebaya dan faktor sosio-ekonomi. Selain itu juga, sikap pelajar terhadap bidang yang diceburi juga turut mempengaruhi minat mereka dalam pembelajaran. Kajian yang dilakukan oleh Ayub (2017) mendapati sikap ibu bapa terhadap bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), turut mempengaruhi pelajar untuk menceburi bidang TVET. Ibu bapa lebih cenderung untuk anak-anak mereka menceburi bidang undang-undang, perubatan dan perakaunan berbanding pekerjaan dalam bidang TVET (Maria, 2018). Hasil kajian mengenai kesan pengaruh ibu bapa terhadap sikap pelajar terhadap TVET menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan terhadap pilihan pelajar terhadap bidang TVET (Lavendets et al., 2019). Selain itu juga, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa mempunyai impak yang signifikan terhadap pilihan pelajar terhadap bidang TVET (Igbinedion, 2019). Faktor keluarga seperti gaya didikan ibu bapa, suasana pembelajaran keluarga dan penglibatan keluarga mempengaruhi pembelajaran regulasi sendiri pelajar (Pintrich, 1999; Bandura, 1986).

Pembelajaran regulasi sendiri adalah komponen teras untuk mengetahui kognitif, motivasi dan emosi pelajar (Azhari et al., 2023). Sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk belajar. Antara bentuk sokongan daripada keluarga adalah sokongan emosi, pertimbangan atau ganjaran serta sokongan maklumat (Laka et al., 2020; Simunovic & Babarovic, 2020). Kajian yang dilakukan menurunkan kualiti pembelajaran atau minat adalah disebabkan oleh motivasi dalaman dan motivasi luaran mereka (Herbert & Bragg, 2021). Kajian mengenai hubungan antara pembelajaran sendiri, sokongan keluarga dan motivasi pembelajaran kepada aktiviti pembelajaran pelajar mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan keluarga dan motivasi pembelajaran (Azhari et al., 2023).

Tambahan itu juga, dalam proses pembelajaran, rakan sebaya memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi motivasi belajar seseorang individu (Tang & Amir, 2024). Dalam konteks pelajar, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dan memiliki pengaruh yang kuat terhadap pembelajaran mereka di dalam kelas. Menurut Salleh (2020), pengaruh rakan sebaya merupakan faktor paling kuat dalam membantu perkembangan diri, mengubah nilai dan sikap pelajar. Rakan sebaya yang mempunyai sikap positif seperti bertanggungjawab, rajin belajar dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran akan menjadi contoh teladan yang baik kepada rakan yang lain dan memberi impak terhadap sikap dan tingkah laku seseorang dalam pelajaran (Salleh, 2020).

Manakala dari pandangan pendidik pula, rakan sebaya dilihat sebagai satu medium strategi pengajaran yang berkesan dan berkuasa yang boleh digunakan untuk mengembangkan kemahiran akademik dan sosial dalam kumpulan sebaya (Topping, 2019). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tang dan Amir (2024), mendapati bahawa tahap pengaruh rakan sebaya dikalangan pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Namun, tahap kepercayaan terhadap rakan sebaya adalah sangat tinggi. Rakan sebaya juga turut mempengaruhi tingkah laku seorang pelajar dalam kehidupan seharian kerana mereka adalah orang kedua terdekat kepada pelajar selepas ibu bapa (Nursiah et al., 2020). Hal ini disebabkan oleh tempoh masa yang diluangkan bersama di antara rakan sebaya membawa kepada pembentukan hubungan rapat yang boleh menghasilkan kepercayaan dikalangan mereka (Talib & Kutty, 2022).

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif secara tinjauan menggunakan soal selidik untuk mengkaji pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar di kolej vokasional zon selatan. Kaedah tinjauan ini juga digunakan bagi menjelaskan secara khusus sifat-sifat sampel dan pengumpulan maklumat dilakukan bagi mengkaji sesuatu skop dengan lebih terperinci (Ghazali & Sufean, 2018). Kajian ini telah melibatkan 12 buah kolej vokasional (KV) yang menawarkan program teknologi elektronik di zon selatan yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seramai 374 responden yang terdiri dari pelajar tahun akhir Sijil Vokasional Malaysia (SVM) telah terlibat dalam kajian ini.

Kajian ini telah menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama iaitu item berkaitan minat, sikap dan motivasi yang telah diadaptasi dan diubah suai dari pengkaji terdahulu. Berdasarkan kajian yang dilakukan Jalil (2019), dilaporkan kebolehpercayaan keseluruhan instrumen minat dengan nilai *Alpha Cronbach* 0.97. Manakala hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Kalisa et al. (2023), kebolehpercayaan keseluruhan instrumen sikap mencatatkan nilai 0.82 dan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen motivasi adalah 0.91. Jumlah keseluruhan item dalam kajian ini adalah sebanyak 94 item. Dalam kajian ini menggunakan dua jenis skala Likert iaitu Skala 5 Skala Likert bagi item minat dan sikap dan Skala 7 Skala Likert bagi item motivasi yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat mengenai kekerapan responden terhadap item yang dirasakan sesuai. Manakala pengkelasan nilai skor min menggunakan interpretasi Pallant (2006) yang mengelaskan nilai skor min kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pengkelasan Tahap Skor Min

Tahap Skor Min	Pengkelasan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	tinggi

Sumber: Pallant (2006)

Dapatan Dan Perbincangan

Ujian statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data demografi responden dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi pelajar tahun akhir Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dari Program Teknologi Elektronik di Kolej Vokasional Zon Selatan.

Jadual 2: Maklumat Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	282	75.4
	Perempuan	92	24.6
Bangsa	Melayu	344	92.0
	Cina	4	1.1
	India	12	3.2
	Lain-lain	14	3.7
Jenis Pekerjaan Keluarga	Kerajaan	98	26.2
	Swasta	101	27.0
	Bekerja Sendiri	104	27.8
	Pesara	71	19.0

Kolej Vokasional	KV Batu Pahat	28	7.5
	KV Kluang	26	7.0
	KV Kota Tinggi	28	7.5
	KV Muar	29	7.8
	KV Segamat	30	8.0
	KV Tanjung Puteri	30	8.0
	KV Datuk Seri Mohd Zin	29	7.8
	KV Melaka Tengah	30	8.0
	KV Ampangan	29	7.8
	KV Juasseh	26	7.0
	KV Kuala Klawang	58	15.5
	KV Port Dickson	31	8.3

Jadual 3 menunjukkan tahap minat dan sikap dan motivasi pelajar kolej vokasional zon selatan bagi program teknologi elektronik. Secara keseluruhannya, semua elemen yang dikaji adalah tinggi. Jadual 4 pula menunjukkan analisis pengaruh minat pelajar terhadap bidang yang diceburi.

Jadual 3: Tahap Minat, Sikap Dan Motivasi Pelajar

Elemen	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Minat	4.12	0.13	Tinggi
Sikap	4.22	0.12	Tinggi
Motivasi	4.51	0.61	Tinggi
Jumlah	4.28	0.29	Tinggi

Jadual 4: Analisis Pengaruh Minat Pelajar Terhadap Bidang Yang Diceburi

Sub-Elemen Minat	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Pengaruh ibu bapa	4.25	0.18	Tinggi
Pengaruh rakan sebaya	4.15	0.20	Tinggi
Pengaruh sosio ekonomi	3.66	0.21	Tinggi
Jumlah	4.03	0.20	Tinggi

Berdasarkan dapatan pada Jadual 4, pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya lebih banyak memberi kesan kepada minat pelajar dengan nilai min ($M=4.25$, $SP=0.18$) dan ($M=4.15$, $SP=0.20$). Selain itu juga, hasil analisis tahap sikap pelajar berdasarkan model Sikap ABC (*Affective, Behavioural, Cognitive*) adalah tinggi. Hasil kajian menunjukkan tahap sikap pelajar terhadap bidang yang diceburi adalah tinggi ($M=4.22$, $SP=0.12$). Daripada ketiga-tiga sub-elemen sikap ini, elemen sikap tingkah laku iaitu melibatkan tindakan pelajar adalah paling tinggi ($M=4.28$, $Sp=0.17$), diikuti oleh elemen sikap kognitif yang melibatkan anggapan, kepercayaan atau pendapat pelajar ($M=4.27$, $SP=0.23$) dan elemen sikap afektif ($M=4.10$, $SP=0.18$) seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Sikap Pelajar Terhadap Bidang Yang Diceburi

Sub-Elemen Sikap	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Sikap afektif	4.10	0.17	Tinggi
Sikap tingkah laku	4.28	0.18	Tinggi
Sikap kognitif	4.27	0.23	Tinggi
Jumlah	4.22	0.12	Tinggi

Tambahan itu juga, hasil dapatan terhadap motivasi pelajar mendapati jenis motivasi intrinsik lebih tinggi dalam kalangan pelajar di KV Zon Selatan. Jadual 6 menunjukkan analisis jenis motivasi yang dilakukan.

Jadual 6: Analisis Motivasi Pelajar Terhadap Bidang Yang Diceburi

Jenis Motivasi	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi Intrinsik	4.74	0.69	Tinggi
Motivasi Ekstrinsik	4.27	0.52	Tinggi
Jumlah	4.51	0.61	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6, motivasi intrinsik adalah lebih tinggi berbandaing motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini selari dengan Deen et al., (2021) yang menyatakan motivasi intrinsik menjadi dorongan utama dalam meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Motivasi intrinsik dihasilkan secara semula jadi dan kesusasteraan psikologi telah menetapkan bahawa individu yang secara intrinsik bermotivasi secara sukarela melakukan apa-apa aktiviti atau tugas yang diberikan (Eren, 2020). Manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada tingkah laku yang tidak dirangsang oleh motif dalaman. Motivasi ekstrinsik lebih bergantung pada ganjaran luaran, tekanan, atau hukuman (Ryan & Deci, 2000). Perbezaan tahap motivasi pelajar ini sering dikaitkan dengan pengaruh dalaman dan pengaruh luaran yang boleh mempengaruhi motivasi pelajar. Motivasi sering dikaitkan dengan unsur-unsur atau perkara yang merangsang kepada tingkah laku individu dari masa ke semasa (Olushola & Adewumi, 2021). Motivasi merupakan faktor psikologi yang boleh mempengaruhi pelajar kerana ia bertindak sebagai daya penggerak yang terdiri daripada beberapa tujuan yang boleh menyebabkan pelajar ingin belajar (Sadirman, 2019).

Selain dari itu juga, hasil kajian yang dlikakukan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat, sikap dan motivasi pelajar terhadap bidang yang diceburi dengan $\rho = 0.000 < 0.05$. Nilai korelasi pearson, $\rho=0.547$ menunjukkan korelasi positif yang kuat antara sikap dengan motivasi pelajar. Manakala terdapat juga hubungan korelasi sederhana kuat antara minat dan sikap dengan nilai dengan korelasi pearson, $\rho=0.525$. Begitu juga dengan motivasi dan minat yang menunjukkan hubungan korelasi sederhana kuat antara minat dan motivasi dengan nilai korelasi positif $\rho=0.403$. Selain itu juga, ujian regresi pelbagai dijalankan untuk mengenal pasti sama ada minat dan sikap merupakan faktor peramal kepada motivasi pelajar di KV Zon Selatan. Terdapat dua elemen minat dan dua elemen sikap yang mempengaruhi motivasi pelajar iaitu bagi elemen minat pengaruh ibu bapa ($t=-3.22$, $p=0.00$, $P<0.05$) dan pengaruh rakan sebaya ($t=2.49$, $P=0.01$, $P<0.00$). Manakala bagi elemen sikap pula, sikap tingkah laku mempengaruhi motivasi pelajar ($t=3.28$, $p=0.00$, $p<0.00$) dan sikap kognitif ($t=3.16$, $p=0.00$, $p<0.05$).

Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dilakukan, elemen minat pelajar banyak dipengaruhi oleh pengaruh ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya berbanding sosio ekonomi. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lain iaitu Yudabbirul et al., (2022); Omar et al., (2020); Nugrogo et al., (2020); Abu dan Eu, (2018); Othman dan Misman, (2015); dan Yusof, (2014) yang mendapati bahawa minat pelajar dipengaruhi oleh pengaruh ibu bapa. Dapatan kajian ini juga selari dengan hasil kajian Lavendets et al., (2019) yang mengkaji kesan pengaruh ibu bapa terhadap sikap pelajar terhadap bidang TVET mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pilihan pelajar terhadap bidang yang diceburi. Sokongan

keluarga memainkan peranan penting dalam memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk belajar. Antara bentuk sokongan daripada keluarga adalah sokongan emosi, pertimbangan atau ganjaran serta sokongan maklumat (Laka et al., 2020; Simunovic & Babarovic, 2020).

Analisis sikap pelajar berdasarkan model Sikap ABC yang mempunyai tiga sub-elemen dapat membezakan amalan sikap yang diamalkan pelajar yang boleh memberi kesan kepada motivasi mereka. Menerusi hasil kajian ini, sikap tingkah laku mencatatkan nilai min yang paling tinggi dan diikuti oleh sikap kognitif dan akhir sekali sikap afektif. Hal ini menggambarkan bahawa ketiga-tiga sub elemen dalam sikap ini menyumbang kepada motivasi mereka dalam bidang yang diceburi. Oleh yang demikian, para guru-guru seharusnya boleh mengenal pasti jenis motivasi pelajar dan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar dalam bidang yang diceburi.

Kesimpulan

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar kolej vokasional zon selatan dalam bidang yang diceburi. Aspek-aspek yang dikaji ini adalah penting kepada pelajar, pensyarah dan pihak pentadbiran KV dalam usaha meningkat dan mengekalkan pelajar minat, sikap dan motivasi pelajar agar terus berada dalam bidang TVET yang diceburi. Walaupun hasil kajian yang diperolehi adalah tinggi dan mempunyai hubungan diantara setiap aspek yang dikaji, pihak KV dan pensyarah perlu sentiasa peka terhadap perkembangan dan perubahan dalam bidang TVET yang sering berubah mengikut keperluan industri dan teknologi semasa dengan mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang TVET dengan melibatkan pelajar secara aktif dalam sesi pembelajaran.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dan rakan-rakan seperjuangan yang memberikan pandangan yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini

Rujukan

- Abu, N.E. & Eu, L.K. (2018). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*: Bil. 2 Isu 1, 1-10.
- Azhari, S. C., Siti Fadjarajani, & Ely Satiyasih Rosali. (2023). The Relationship Between Self-Regulated Learning, Family Support and Learning Motivation on Students' Learning Engagement. *Journal of Education Research and Evaluation*, 7(1), 147–158.
- Cheng, H.Y. & Ding, Q.T. (2020). Examining The Behavioral Features Of Chinese Teachers And Students In The Learner-Centered Instruction. *European Journal of Psychology of Education*, 36(1):169–186.
- Deen P. S., Fadhilah, F. W., Ivani Z. J., & Syahnur R. (2021). Hubungan Motivasi Belajar, Relasi Teman Sebaya, Dan Stres Akademik Terhadap School Wellbeing Pada Siswa Sekolah Menengah. *Jurnal Psikologi Talenta Mahasiswa* 1(2).
- Eren, A., (2020). Prospective Teachers' Interest In Teaching, Professional Plans About Teaching And Career Choice Satisfaction: A Relevant Framework? *Australian Journal of Education* 56(3), pp. 303–318.

- Igbinedion V (2019). Perception of Factors That Influence Students' Vocational Choice of Secretarial Studies In Tertiary Institutions In Edo State Of Nigeria. *European Journal of Educational Studies* 3: 325-337
- Laka, B. M., Burdam, J., & Kafiar, E. (2020). Role of Parents in Improving Geography Learning Motivation in Immanuel Agung Samofa High School. *Jurnal Inovasi Penelitian*, 1(2), 69–74.
- Lavendets, J., Sitikovs, V., and M. Uhanova. (2019). "Influence Of Socio-Demographic Characteristics To Attractiveness And Success Of Initial Vocational Education And Training In Latvia,". *Social and Behavioral Sciences*, vol. 55, pp. 756-765, 2019.
- Maria, O. (2018). "Parental Attitudes Towards Vocational Education: Implications For Counseling,". *Edo Journal of Counselling*, vol. 2, no. 1, pp. 81-89, 2018.
- Nugroho, M. A., Muhajang, T., & Budiana, S. (2020). Pengaruh Minat Belajar Siswa Terhadap Hasil Belajar Mata Pelajaran Matematika. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran Guru Sekolah Dasar (JPPGuseda)*, 3(1), 42-46.
- Nursiah ES, Azhar WCN, Mansor M, Maarof S (2020). The Role of Intellectual, Emotional and Spiritual Intelligence towards Entrepreneurial Intention among TVET Student Indonesia and Malaysia 2: 117-123.
- Ohiwerei F, Nwosu B (2016). Vocational Choices among Secondary School Students: Issues and Strategies in Nigeria. *Asian Journal of Business Management* 1: 1-5.
- Olushola, A.A, & Adewumi, S.A, (2021). "The Impact of Intrinsic and Extrinsic Motivation on Teachers' Performance: Evidence from Selected TVET Colleges in Lagos, Nigeria," *Eurasian Journal of Social Sciences, Eurasian Publications*, vol. 9 (3), pages 176-188.
- Omar, MK, Rauf, MA, Ismail, N, Rashid, AM, Mohd Puad, MH & Zakaria, A. (2020). 'Factors On Deciding TVET For First Choice Educational Journey Among Pre-Secondary School Student'. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, vol. 7, no. 3, pp. 609-627.
- Othman, N., & Misman, S. S. B. (2015). Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan. *Fakulti Pendidikan*.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary educational psychology*, 25(1), 54-67.
- Salleh, S. A., (2020). Keterlibatan, Sokongan Pembelajaran Dan Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gender Peringkat Persekolahan Dan Lokasi. *Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Simunovic, M., & Babarovic, T. (2020). The Role Of Parents' Beliefs In Students' Motivation, Achievement, And Choices In The STEM Domain: A Review And Directions For Future Research. *Social Psychology of Education*, 23(3), 701–719.
- Talib, N. A. F., & Faridah Mydin Kutty. F. M., (2022). Ikatan Keibubapaan dan Perapatan Rakan Sebaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Belia Felda Chini, Pahang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4)
- Tang, S., & Amir, R. (2024). Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Motivasi Belajar Murid Sekolah Rendah Di Pekan Nanas Daerah Pontian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 468-487.
- Topping, K.J., (2019). Peer Tutoring And Paired Reading. Combining Two Powerful Techniques. *The reading teacher*, 15: 120-136.

Yusoff, M., Harun, A., & Zakaria, A. M., (2020). TVET in Malaysia: Capabilities and Challenges as Viable Pathway and Educational Attainment. *Journal on Technical and Vocational Education*, Vol. 5, No. 1.